


KEADAAN Sungai Pahang yang semakin cetek menyebabkan kegiatan ekonomi penduduk setempat terganggu.



AKTIVITI bot pelancong di sungai-sungai utama di Pahang turut terjejas.

Adnan Yaakob minta jabatan berkaitan kaji kenapa sungai terpanjang di Semenanjung Malaysia semakin kontang

MB arah siasat punca Sungai Pahang kering

PUNCA sebenar paras air Sungai Pahang bertukar cetek sama ada disebabkan pembalakan atau sebaliknya bakal terjawab selepas Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob (gambar kecil) semalam mengarahkan agensi berkaitan menyiasat keadaan tersebut.

Adnan mengakui, aktiviti pertanian dan pembalakan di kawasan terbabit selain projek pembinaan dua empangan hidroelektrik di Sungai Jelai dan Sungai Tekal



punca utama kejadian tersebut.



KERATAN Kosmo!
29 April 2016.

mungkin menyebabkan air sungai terpanjang di Malaysia itu semakin kering. Bagaimanapun beliau menegaskan, fenomena El Nino yang melanda negara sekarang merupakan punca utama kejadian tersebut.



AKTIVITI pembalakan di Kampung Mat Daling dekat Ulu Tembeling, Jerantut dikatakan antara punca Sungai Pahang semakin kontang.

"Kita akan minta jabatan-jabatan teknikal berkenaan menjalankan kajian dan membuat laporan kepada kerajaan negeri," katanya pada sidang akhbar di Kuantan semalam.

Kosmo! Jumaat lalu melaporkan, keadaan Sungai Pahang yang semakin kering didakwa berpunca daripada aktiviti penebangan hutan tidak terkawal selain cuaca panas.